

Model Taubat al-Ghazali (M-TaG) (Repentance Model of Al-Ghazali (M-TaG))

Salhah Abdullah¹, Sapora Sipon, Norhayati Rafida A. R, Saedah A. Ghani,
Marina Munira Abdul Mutalib & Noratthiah Nordin
Universiti Sains Islam Malaysia

Abstrak

Remaja yang terlibat dengan zina dan melahirkan anak luar nikah serta pembuangan bayi meningkat setiap tahun. Remaja perempuan yang tinggal di pusat pemulihan akhlak juga menjadi isu kerana bilangan yang semakin meningkat. Kajian ini bertujuan mengenal pasti inventori yang sesuai untuk mengukur proses taubat remaja yang terlibat dengan zina menerusi analisis Model Persamaan Struktural. Bagi memastikan konstruk akan dibina dengan baik, kajian menggunakan reka bentuk gabungan iaitu kualitatif dan kuantitatif. Fasa pertama menggunakan pendekatan kualitatif iaitu melibatkan kumpulan fokus bagi membina instrumen kajian. Dapatan kajian kualitatif telah mengenalpasti lapan peringkat dalam proses taubat al-Ghazali iaitu, bimbingan akidah, bimbingan syariah, bimbingan akhlak, taubat muhasabah, taubat muatabah (penyesalan), taubat muaqabah, taubat mujahadah dan istiqamah. Seterusnya, pembinaan inventori penilaian sendiri yang menggunakan skala Likert lima mata yang menyenaraikan sebanyak 49 item. Kajian ini melibatkan 284 orang responden yang dikenal pasti pernah terlibat dengan zina. Bagaimanapun, analisa Model Persamaan Struktural telah menghasil Model Fit yang menunjukkan 13 item sahaja iaitu lima item bagi konstruk kombinasi kefahaman, lima item bagi kombinasi tindakan dan hanya tiga item bagi konstruk taubat. Dapatan kajian menunjukkan konstruk kombinasi kefahaman memiliki hubungan yang signifikan dan positif dengan konstruk kombinasi tindakan ($r = 0.78$) tetapi hubungan positif yang lemah terhadap konstruk taubat ($r = 0.22$). Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa komponen kefahaman berupaya membantu seseorang itu untuk bertindak untuk berubah dalam proses taubat. Sebaliknya, penyesalan diri tidak dapat mempengaruhi konstruk tindakan dalam konteks proses taubat keseluruhan ($r = 0.01$). Dengan kata lain, kefahaman menjadi tunggak yang lebih utama berbanding dengan penyesalan diri oleh individu dalam membantu perubahan melalui proses taubat. Faktor luaran perlu diambil kira dalam konteks kefahaman memandangkan penyesalan tidak dapat dinyatakan dalam bentuk yang realistik. Kajian lanjutan disarankan kepada kumpulan remaja lelaki bagi mengenalpasti persamaan atau perbezaan dalam Model Taubat al-Ghazali (M-TaG).

Kata kunci : Model Taubat al-Ghazali , akhlak , akidah , taubat , zina

¹ Corresponding author : Salhah Abdullah, Universiti Sains Islam Malaysia, e-mail salhah.abdullah@usim.edu.my.

Abstract

Adolescents involved in sex before marriage and having children out of wedlock with abandoned babies are increasing every year. Adolescent girls living in moral rehabilitation center has also an issue because the number is increasing. This study aims to identify the appropriate inventory to measure the process of repentance youth who were involved in adultery through analysis of Structural Equation Model. To ensure that the constructs are well-constructed, study design uses a combination of qualitative and quantitative. The first phase uses a qualitative approach involving focus groups to construct the instrument. Qualitative findings identify eight level in the process of repentance, al-Ghazali had identified namely, the guidance of faith, Islamic guidance, moral guidance, muhasabah, muatabah, muaqabah, mujahadah and istiqamah. Next, was to develop a self-assessment inventory using five-point Likert scale that list 49 items. The study involved 284 respondents who were involved in sex before marriage. However, Structural equation modeling analysis had produced Fit models that show only 13 items of which five items for combinations construct of understanding, five items for combinations of action and only three items to construct of repentance. The results showed construct as combination of understanding is significant and positive relationship with the constructs combination of action ($r = 0.78$) with repentance constructs as moderators of a weak positive relationship but on constructs combination Understanding ($r = 0.22$). Implication of this study suggests that understanding the components driving someone to act in the process of repentance. However, understanding the constructs showed a positive influence on the construct of self. Instead, taubat can not influence action in the context of the entire repentance process. Future study is proposed to groups of boys to identify similarities or differences in model Repentance Al-Ghazali (M-Tag).

Keywords : Model Taubat al-Ghazali , akhlaq, aqidah, taubat

PENGENALAN

Remaja terlibat dengan zina semakin meningkat dan statistik yang menunjukkan remaja hamil dan melahirkan anak luar nikah juga meningkat dari tahun ke tahun. Pada tahun 2011, 18,652 remaja berumur antara 10 tahun hingga 19 tahun hamil dan 4,222 orang belum berkahwin (Ivv Soon, 2012). Fenomena ini mencerminkan keruntuhan nilai-nilai remaja masa kini di samping masalah gejala sosial seperti rogol, rompak dan dadah yang melibatkan remaja (Kamal Affendi, 2011; Salhah et al., 2011). Nilai moral ialah kepercayaan yang dipegang oleh individu dan dikongsi oleh kumpulan sosial tentang perbezaan antara salah dan betul. Menurut Iliev

et al., (2009), perbezaan antara dua peringkat kewujudan manusia di dunia dan kehidupan selepas mati dan pembalasan. Perbezaan ini telah lama menjadi tema utama dalam bidang sosiologi dan antropologi, tetapi hanya baru-baru ini mula mendapat perhatian dalam bidang psikososial membuat keputusan. Mutakhir ini isu pertimbangan moral menunjukkan peningkatan yang mengaitkan motivasi membuat keputusan bermoral. Teori yang paling terkenal membincangkan perkembangan moral ialah dengan Kohlberg. Menurut Kohlberg orang akan melalui tiga peringkat perkembangan moral; pra-konvensional, konvensional dan pasca konvensional. Dua masalah dengan teori ini ialah:

- i. Pertimbangan moral dan bukan tingkah laku moral. Mengetahui betul dari yang salah tidak bermakna kita akan sentiasa bertindak mengikut pertimbangan moral.
- ii. Teori ini terpakai terutamanya kepada masyarakat barat dan moral kod, penyelidikan silang budaya mencadangkan bahawa teori Kohlberg tidak semestinya sesuai diguna pakai dalam budaya lain (Salhah et al., 2010; Scott, 2004).

Namun begitu perkembangan pemikiran moral Kohlberg boleh memberi tumpuan kepada autonomi moral dan nilai-nilai etnosentrik yang tidak bersifat universal (Abdul Rahman, Salhah et al., 2010).

Tangney et al. (2007) menjelaskan dalam memahami tingkah laku moral, beliau memperkenalkan satu elemen moral yang merujuk kepada istilah emosi moral. Haidt (2003) mentakrifkan emosi moral seperti

“...yang mengaitkan kepentingan atau kebajikan sama ada masyarakat secara keseluruhan atau sekurang-kurangnya orang lain daripada yang menghakimi.”

Emosi moral menjadi pendorong dalam menyediakan sumber motivasi, kuasa dan tenaga untuk berbuat baik dan mengelakkan diri dari melakukan perkara buruk atau tidak bermoral (Kroll & Egan, 2004; Tangney et al., 2007). Seseorang yang bertingkah laku baik mencerminkan nilai-nilai moral atau berakhlak. Oleh itu, pengetahuan mengenai nilai moral yang berkaitan dengan konsep pemikiran moral bermakna memahami nilai-nilai yang baik. Walaupun, kadang-kadang seseorang yang mengalami tekanan akan bertindak lucah dan bertentangan dengan nilai, sistem percaya (Tangney et al., 2007). Tangney et al., (2007) juga menyokong pendapat bahawa wujud percanggahan antara keputusan tingkah laku moral (niat) dan tingkah laku sebenar. Kajian ini memberi tumpuan kepada elemen nilai akhlak yang mempengaruhi tingkah laku dalam berdaya tindak untuk proses pemulihan

akhlak. Justeru, kajian ini bertujuan mengenal pasti model daya tindak spiritual dan keagamaan dalam proses pemulihan remaja terlibat dengan zina.

Menurut Chong-Ho C.Ji dan Yodi Ibrahim (2007) beberapa dekad yang lalu, para pengkaji telah memperkembangkan konsep keagamaan secara intrinsik dan ekstrinsik. Pelbagai instrumen juga telah dibina untuk mengukur kerohanian individu dengan melihat norma populasi kajian bagi kesesuaian dapatan kajian yang dijalankan. Sebagai contoh, instrumen *The Spiritual Scale* oleh Jagers dan Smith yang dibina pada 1996 ialah berasaskan kepada orientasi sosial budaya Afrika; *The Spiritual Assesment Inventory (SAI)* oleh Hall dan Edwards yang dibina pada tahun 1998 ialah merujuk kepada perspektif Judeo-Kristian terhadap kematangan spiritual (Krauss et al., 2005). Manakala, beberapa instrumen yang telah dibina untuk mengukur tahap keagamaan dan hubungannya dengan beberapa konstruk bagi orang Islam seperti *Muslim Religiosity-Personality Inventory* (Krauss et al., 2005); dan *Islamic Religious Behavior Questionnaire (IRBQ)* oleh Mariam et al., (2011). Seiring dengan kepelbagaian pembinaan instrumen kajian untuk mengukur tahap kerohanian individu, konsep kerohanian juga sering kali menjadi isu perdebatan dalam kalangan para pengkaji apabila konsep kerohanian seringkali dilihat bertindan dengan konsep keagamaan. Keadaan itu terjadi kerana menurut Hill et al., (2000) kerohanian dan keagamaan merupakan satu fenomena yang kompleks, multidimensi dan setiap definisi selalunya menggambarkan perspektif dan minat yang terhad dalam kajian yang dilakukan. Malah konsep kerohanian dan keagamaan telah digunakan dalam pelbagai cara oleh beberapa orang pengkaji dan sering kali konsep ini bertukar antara satu sama lain kerana kekaburan konsep antara kedua-duanya (Spountzi-Krepia et al., 2005). Di samping itu, sesetengah instrumen kajian yang dibina untuk mengukur konstruk kerohanian pada satu-satu norma populasi diukur menggunakan orientasi agama dan budaya norma lain menyebabkan lagi kepelbagaian konsep kerohanian ini.

Dalam konteks umat Islam konsep akhlak berasaskan ajaran Islam yang merujuk kepada al-Quran melalui wahyu Allah SWT kepada Nabi Muhamad SAW. Dalam al-Quran terdapat ayat-ayat yang menyebut tentang taubat antaranya: Firman Allah SWT :

“katakanlah wahai hamba-hamba-Ku yang melampaui batas, janganlah kamu berputus asa dari rahmat Allah. Sesungguhnya Dialah yang Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.”

(Az-Zumar : 53)

Seterusnya ayat lapan surah At-Tahrim Allah SWT berfirman :

“wahai orang-orang yang beriman! Bertaubatlah kamu kepada Allah dengan taubat nasuha, mudah-mudahan Tuhan kamu akan menghapuskan kesalahan-kesalahan kamu dan memasukkan kamu ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai”.

Dalam surah An-Nur, ayat 31 Allah SWT juga menyebut tentang taubat iaitu :

“dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman, supaya kamu berjaya dan juga orang-orang yang apabila melakukan perbuatan keji, atau menganiaya diri sendiri, mereka segera ingat kepada Allah lalu memohon ampun akan dosa mereka dan sememangnya tidak ada yang mengampunkan dosa-dosa melainkan Allah, dan mereka juga tidak meneruskan perbuatan keji yang mereka telah lakukan itu, sedang mereka mengetahui (akan salahnya dan akibatnya)”.

Bertaubat kerana dosa dan kesalahan termasuk sesuatu yang harus dilakukan secara langsung dan terus menerus, sama ada dosa yang dilakukan itu kecil mahupun besar. Kerana telah diturunkan kepada kita wahyu yang jelas maknanya, yang menganjurkan perbuatan ini. Sebagaimana Firman-Nya lagi:

“Maka barangsiapa yang bertaubat sesudah melakukan kejahatan itu dan memperbaiki diri, maka sesungguhnya Allah menerima taubatnya.”

(Al Maidah: 39)

Imam al-Ghazali merupakan tokoh yang tersohor bukan sahaja dalam kalangan cendekiawan Islam malah telah diakui oleh sarjana barat. Antara kitab al-Ghazali yang terkenal ialah *Ihya Ulumuddin* yang bermaksud menghidupkan ilmu agama telah menjadi rujukan utama umat Islam di seluruh dunia (Abu Ahmad, 2010). Wasiat al-Ghazali yang memberi fokus kepada menanam iman dalam diri anak-anak seperti yang ditulis oleh Abu Ahmad (2010) iaitu menanam iman dalam diri anak merupakan kewajipan orang tua. Anak-anak akan membesar dalam suasana cukup peka dan sensitif dengan Tuhan. Bila ini sudah ada, dengan sendirinya dia akan malu dan takut untuk membuat dosa (Abu Ahmad, 2010). Berdasarkan kitab-kitab Imam al-Ghazali telah digariskan bagaimana proses taubat. Seterusnya, al-Ghazali juga telah membina konsep taubat dalam proses menyucikan diri daripada dosa-dosa besar yang dilakukan. Oleh kerana tidak pernah ditemui instrumen

bagi mengukur konsep taubat sebelum ini, maka kajian ini bertujuan untuk membina dan menguji kebolehpercayaan instrumen pengukuran psikologi bertemakan konsep taubat yang berdasarkan al-Ghazali.

Daya tindak keagamaan semakin menjadi tumpuan pengkaji dalam membantu seseorang dalam menghadapi stres seperti Paragament et al., (1998) yang mendapati 34% daripada kajian mengalami kesan positif daripada daya tindak keagamaan. Di samping itu, Frazier et al., (2004) telah menambah aspek strategi keagamaan dalam kajian terhadap mangsa rogol dan penderaan seksual. Hasil kajian berkenaan juga menunjukkan peramal faktor-faktor yang dikaitkan dengan peningkatan perubahan hidup positif antaranya pendekatan keagamaan. Perkaitan agama dengan kehidupan positif yang menyatakan secara spesifik antara 50% hingga 60% mangsa trauma berjaya dipulihkan, termasuk perhubungan *interpersonal* yang positif, spiritual atau falsafah kesejahteraan hidup (Frazier et al., 2004).

Rumusannya, trend kajian bertemakan strategi daya tindak di Barat sudah mula membuat anjakan paradigma ke arah memberi fokus terhadap psikologi positif (Peterson & Seligman, 2004). Kajian pada dekad ini mula memberi perhatian kepada kajian yang dikaitkan dengan nilai spiritual dan keagamaan (Cotton et al., 2005). Kebanyakan remaja mula berusaha mencari nilai keagamaan dan kerohanian bagi menangani stres dan trauma. Oleh itu, sewajarnya kajian ini memberikan tumpuan kepada usaha membina model berdasarkan soal selidik atau inventori yang perlu dibina dan diuji kebolehpercayaan dan kesahannya berdasarkan prinsip dan falsafah pendidikan Islam.

KERANGKA KONSEPTUAL TAUBAT

Model taubat penyucian diri Imam al-Ghazali dalam buku *Ihya Ulumudin* yang telah memperkenalkan empat aspek dalam metod penyucian diri iaitu; muhasabah (menghitung diri), *mu'aqabah* (menghukum diri atas keterlanjuran), *mu'atabah* (menghina dan mencela diri), mujahadah (bersungguh-sungguh) seperti yang dijelaskan oleh Rosihon Anwar (2005). Mizan Adiliah et al., (2006) pula menjelaskan bahawa menurut al-Ghazali proses taubat melalui beberapa peringkat dan pemulihan diri dalam Islam boleh diistilahkan sebagai *tazkirah an-nafs*. Terminologi *tazkirah an-nafs* bermaksud penyuci jiwa dan akal manusia dari kekotoran dosa dan penyelewengan dan proses penting untuk kembali ke fitrah. Penyucian jiwa al-Ghazali dirumuskan sebagai metod yang praktikal yang dapat dibahagikan kepada lima peringkat iaitu; *muhazabah*, *ma'aqabah*, taubat-belajar daripada kesilapan, mujahadah mengubah sikap, dan *istiqamah* (konsisten).

Bagi membina kerangka konseptual kajian ini, pengkaji telah memperinci konsep proses taubat kepada lapan dimensi; bimbingan aqidah, bimbingan syariah, bimbingan akhlak, taubat istiqamah, taubat-muhasabah, taubat-mu'atabah, taubat-mu'aqabah, dan taubat-mujahadah yang diringkaskan dalam Jadual 1.

Dimensi	Sub dimensi
Bimbingan	1. Akidah 2. Syariah 3. akhlak
Taubat	4. Muhasabah 5. Muatabah 6. Muaqabah 7. Mujahadah 8. Istiqamah

Jadual 1: Dimensi Proses Taubat

Tujuan kajian ini ialah untuk mengisi jurang dalam bidang pengukuran psikologi Islam bagi remaja untuk membina inventori taubat al-Ghazali.

Tiga objektif utama kajian ini ialah seperti berikut:

- i. Mengenal pasti dimensi mengukur taubat berdasarkan konsep al-Ghazali.
- ii. Menguji kebolehpercayaan dan kesahihan inventori untuk mengukur taubat al-Ghazali.
- iii. Menguji model persamaan struktural bagi taubat al-Ghazali

Maka hipotesis kajian ini adalah seperti berikut:

- H_1 : Proses dimensi bimbingan memberi kesan ke atas proses taubat yang dilalui oleh setiap responden.

METODOLOGI

Prosedur dan peserta kajian

Kajian menggunakan pendekatan gabungan yang dijalankan dalam dua peringkat. Peringkat pertama; kajian kualitatif dan kedua; kajian kuantitatif. Kajian fasa pertama melibatkan dua peringkat. Peringkat pertama, kajian kes mengenal pasti kaunselor atau spara kaunselor yang terlibat secara langsung dalam proses pemulihan remaja perempuan yang tinggal di pusat

pemulihan akhlak (Salhah et al., 2011). Pengkaji mendapatkan kebenaran pusat pemulihan akhlak daripada pihak berkuasa. Pengkaji telah memperoleh dua orang kaunselor daripada Taman Seri Puteri daripada Kementerian Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat Malaysia untuk ditemu bual. Sementara tiga orang kaunselor dari rumah perlindungan Organisasi Bukan Kerajaan (NGO) telah bersetuju menjadi ahli kumpulan fokus bagi mendapatkan gambaran proses pemulihan yang dilaksanakan di pusat pemulihan. Kedua-dua kumpulan fokus ini dijemput untuk ditemu bual di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan iaitu di bilik kaunseling keluarga. Masa yang diambil bagi menemu bual antara 90 minit hingga 120 minit.

Peringkat kedua pula, melibatkan pengesahan pakar setelah menganalisis temu bual bagi meneroka tema bagi membina item instrumen kajian. Tiga orang pakar melibat pensyarah aqidah menyemak kerangka konseptual dan dimensi bagi setiap item yang dibina.

Kajian fasa kedua melibatkan pengumpulan data daripada responden kajian yang merupakan pelatih di empat pusat pemulihan akhlak remaja perempuan. Responden sebanyak 238 orang berumur di antara 12 hingga 18 tahun semuanya mengaku pernah terlibat dengan seks bebas. Soal selidik yang diedarkan oleh kumpulan pengkaji dengan bantuan pembantu pengkaji. Peserta kajian dikumpulkan dalam kumpulan antara 20 hingga 30 orang di bilik kelas tempat aktiviti pembelajaran dijalankan. Pengkaji membantu peserta kajian yang menghadapi masalah memahami soal selidik kerana terdapat dalam kalangan peserta kajian yang lemah dalam membaca.

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan temu bual mendalam kepada kumpulan fokus. Kajian kuantitatif menggunakan Inventori Taubat al-Ghazali yang baru dibina berdasarkan kerangka konseptual yang dirumuskan dalam lapan dimensi. Pada peringkat awal, instrumen berbentuk penilaian sendiri ini mengandungi 49 item iaitu 47 item positif dan 2 item negatif. Inventori ini menggunakan skala *Likert* lima mata iaitu: 1 bermaksud "sangat tidak setuju," 2 bermaksud "tidak setuju," 3 bermaksud "tidak pasti," 4 bermaksud "setuju," dan 5 bermaksud "sangat setuju." Contoh item menguji dimensi bimbingan akidah ialah "Tuhan memberi ujian untuk saya menjadi orang yang lebih baik".

Analisis Data

Analisis data kualitatif daripada temu bual mendalam menggunakan analisis kandungan dan juga perisian Nvivo8 bagi meneroka tema yang selari dengan konsep pemulihan menjurus kepada proses taubat. Seterusnya kajian kuantitatif menggunakan perisian SPSS20 dan juga AMOS 4.0 bagi menentukan model taubat menerusi perspektif al-Ghazali.

Dapatan Kajian

Dapatan fasa pertama

Dapatan kajian fasa pertama telah meneroka dimensi yang sesuai dikaitkan aspek psiko-spiritual dalam proses taubat. Dapatan kajian fasa pertama ini memberikan panduan menyediakan inventori psiko-spiritual. Jadual 2 meringkaskan dimensi psiko-spiritual al-Ghazali.

Dimensi	Sub dimensi	Contoh item
Bimbingan	1. Akidah	Tuhan memberikan saya hidayah dengan ujian ini.
	2. Syariah	Puasa itu proses menyucikan diri saya
	3. Akhlak	Saya akan sentiasa berfikir terlebih dahulu sebelum membuat apa-apa tindakan agar tidak terpengaruh dengan anasir-anasir buruk.
Taubat	4. <i>Mujahadah</i> (bersungguh-sungguh)	Saya berazam tidak akan mengulangi dosa ini.
	5. <i>Muhasabah</i> (menilai diri)	Saya merasa kesal setelah menyedari dosa zina adalah dosa besar yang dilakukan.
	6. <i>Mu'atabah</i> (<i>penyesalan</i>)	Saya gagal menjaga kehormatan diri
	7. <i>Mu'aqabah</i> (redha menerima hukuman)	Saya redha menerima hukuman
	8. <i>Istiqamah</i> (konsisten)	Saya tetap mengamalkan solat taubat selepas ini

Jadual 2 : Dimensi Psiko-spiritual dan Contoh Item

Dapatan fasa kedua

Analisa faktor (*Exploratory Factor Analysis*) kepada 49 item menunjukkan bahawa hanya 35 item yang memiliki faktor muatan antara 0.37 hingga 0.67. Jadual 3 menunjukkan senarai item dan faktor muatan bagi setiap item yang dikekalkan selepas analisis faktor dijalankan.

Bil.	Item	Faktor 1	Faktor 2	Faktor 3
1	D32	.674		
2	D30	.631		
3	D45	.629		
4	D33	.614		
5	D28	.594		
6	D41	.591		
7	D47	.588		
8	D15	.586		
9	D31	.584		
10	D2	.572		
11	D29	.568		
12	D34	.563		
13	D42	.529		
14	D4	.505		
15	D43	.494		
16	D49	.472		
17	D21	.446		
18	D1	.429		
19	D35	.407		
20	D6		.680	
21	D14		.644	
22	D23		.640	
23	D13		.618	
24	D10		.487	
25	D25		.469	
26	D48		.469	
27	D19		.461	
28	D7		.452	
29	D8		.446	
30	D9		.442	
31	D11		.438	
32	D26		.432	
33	D36			.669
34	D37			.659
35	D40			.367

Jadual 3 : Item, Faktor dan Nilai Faktor Muatan

Analisis seterusnya bagi memberikan tema yang sesuai kepada faktor yang telah dikenalpasti ke atas semua item inventori. Jadual 4 menjelaskan tema yang diberikan kepada setiap faktor bagi inventori ini.

Faktor	Bilangan Item	Catatan	Nama baru yang sesuai
1	19	Kombinasi Kefahaman	bimbingan akidah, akhlak, istiqamah, muaqabah dan mujahadah
2	13	Kombinasi Tindakan	akidah, syariah, akhlak, beristiqamah dan mujahadah
3	3	Taubat	taubat
Jumlah	35	14 item digugurkan	


Jadual 4: Tema bagi Faktor Inventori Sebelum Analisa *Structural Equation Model*

Analisis seterusnya melibatkan pengenalpastian *model of fit* menggunakan *Structural Equation Model* (SEM). Analisa SEM melalui beberapa peringkat yang bermula dengan pembentukan *Confirmatory Factor Analysis (CFA) 1st Order dan Measurement Model* seperti dalam Jadual 5. Dapatan menunjukkan tentang perubahan nilai yang dimiliki ketika membina model dan perbezaan yang diperolehi antara *Measurement Model* dengan *Structural Model*. Nilai ini penting bagi memastikan model yang dibina menepati keperluan *Model of Fit*. Apabila model telah siap dibina, didapati hanya 13 item yang terlibat di dalam proses taubat ini apabila melihat dari sudut faktor muatan (*factor loading*) dan juga signifikansi hubungan yang wujud antara konstruk.

Fit Indices	Measurement Model	Structural Model
Chi-square	170.562	170.562
(p-value)	0.000	0.000
Degrees of Freedom (df)	62	62
Relative Chi-square, χ^2/df (CMIN/DF)	2.751	2.751
Root Mean Square Error of Approximation (RMSEA)	0.084	0.084
Standardized Root Mean Square Residual (SRMR)	0.0657	0.0646
Goodness of Fit Index (CFI)	0.900	0.900
Parsimony NormedFit Index (PNFI)	0.660	0.660

Jadual 5: Perbandingan Nilai *Fit of Indices* antara *Measurement Model* dan *Structural Model*

Merujuk kepada Rajah 1, model yang dihasilkan mendapati hanya 13 item yang terlibat dalam keseluruhan asas proses taubat iaitu lima item untuk konstruk kombinasi tindakan, lima item untuk konstruk kefahaman dan hanya tiga item untuk konstruk taubat seperti dalam Jadual 6.




Rajah 1: Measurement Model

Konstruk	Bilangan Item	Dimensi
Kombinasi Kefahaman	5	istiqamah, muhasabah dan mujahadah
Kombinasi Tindakan	5	syariat, beristiqamah dan mujahadah
Taubat	3	muatabah
Jumlah	13	

Jadual 6: Faktor Inventori Selepas Analisa *Structural Equation Model*


Oleh itu, kajian ini memberi nama kepada dapatan model yang dijalankan menggunakan perisian AMOS iaitu Model Taubat al-Ghazali (M-TaG). Rajah 2 menunjukkan model akhir yang diperolehi daripada *Structural Model* seterusnya disahkan dalam bentuk *Model Fit* dalam *Path Diagram* (Rajah 3).



Rajah 2: *Structural Model* – Model Taubat al-Ghazali (M-TaG)

Merujuk kepada *Path Diagram* dalam Rajah 3, konstruk Kombinasi Kefahaman memiliki hubungan yang positif dan sangat signifikan ($r=0.78$) dengan konstruk tindakan di dalam proses taubat bagi setiap individu. Dengan kata lain, elemen kefahaman memainkan peranan yang penting dalam mendorong individu seterusnya individu dapat melalui proses taubat dengan lebih berkesan. Keputusan dapat dibuktikan apabila konstruk taubat

(penyesalan) tidak mempengaruhi konstruk tindakan dalam kalangan remaja perempuan yang terlibat dengan zina ($r = 0.01$).



Rajah 3: *Path Diagram* – Model M-TaG

Konstruk taubat (penyesalan) menunjukkan hubungan yang lemah ($r = 0.01$) dengan konstruk tindakan. Bagaimanapun, konstruk kombinasi kefahaman memiliki hubungan yang positif dan rendah iaitu bersamaan dengan $r = 0.22$ yang memberikan satu gambaran jelas tentang keperluan kefahaman ke arah membantu individu melihat kesan penyesalan di dalam proses Taubat oleh al-Ghazali. Oleh itu, pemahaman seseorang itu adalah lebih penting dan berkesan dalam mendorong seseorang untuk membuat tindakan tertentu tetapi hubungan yang sederhana ke atas taubat iaitu penyesalan dalam diri seseorang yang terlibat dengan zina itu. Kajian mencadangkan agar dapat dilihat dari beberapa faktor luaran seperti jenis hukuman yang diterima oleh pesalah yang mana bentuk pemahaman dan kesannya adalah di luar jangkaan. Manakala penyesalan itu adalah lebih bersifat subjektif, ruang masa dan juga perspektif individu tentang bentuk kesilapan dan kesalahan di dalam hidup mereka.

PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini mencapai objektif membina inventori daya tindak psiko-spiritual berasaskan konsep keagamaan iaitu taubat al-Ghazali yang menunjukkan faktor gabungan antara dimensi taubat dan syariat. Syariat juga merangkumi aqidah dan akhlak kerana dengan kefahaman syariat secara tidak langsung mencerminkan akhlak seseorang. Rasional pengkaji memberikan nama baru kepada faktor selepas analisis struktural yang menghasilkan model SEM iaitu;

- i. Kombinasi kefahaman terhadap proses taubat yang merangkumi proses taubat iatu istiqamah iaitu tekak, muhasabah iaitu menilai diri sendiri dan mujahadah iaitu kesungguhan;
- ii. Tindakan terhadap proses taubat yang merangkumi kombinasi tindakan mengikut syariat, tekak (istiqamah) dan kesungguhan (mujahadah);
- iii. Taubat yang berfokus kepada proses taubat penyesalan atau *mu'atabah*.

Dapatan kajian ini konsisten dengan kajian lalu iaitu menggunakan nilai Islam dalam membina item yang menunjukkan faktor kombinasi seperti Salhah et al., (2010) dan Asma (2007) merupakan kajian yang relevan dalam mengenal pasti konsep pengukuran nilai moral dan akhlak remaja Muslim. Penemuan ini menyokong ahli falsafah Islam bahawa nilai Islam ialah bersepadu (Syed Muhamad Naquib al-Attas, 1995) dan sukar dipisah-pisah.

Semua item yang menguji bimbingan syariat dan akhlak tidak muncul sebagai item yang signifikan kepada proses taubat. Kajian berhubungan nilai moral menurut Barat juga mengakui bahawa terdapat percanggahan antara kefahaman moral dengan perasaan moral dan tindakan moral (Haidt, 2003; Tangney et al., 2007). Hasil kajian ini menyokong kajian barat berkaitan dengan dimesi moral iaitu akhlak yang sukar dipisahkan antara pemikiran, perasaan dan juga tindakan. Model Taubat ini ditakrifkan memberi gambaran secara logik kerana model ini menjelaskan hubungan positif yang sederhana kukuh antara kefahaman dan tindakan. Namun, dimensi tindakan tidak menunjukkan hubungan sebagai petunjuk atau peramal kepada proses taubat. Sementara itu, faktor taubat dengan faktor kefahaman juga menunjukkan hubungan yang lemah. Dapatan ini dianggap konsisten dengan kajian Bradley et al., (2005) yang mendapati remaja yang mengalami penderaan seksual oleh teman lelaki menunjukkan strategi daya tindak negatif kepada keagamaan sebaliknya hubungan positif dengan simptom stres.

Seterusnya, stres berkait secara langsung dengan emosi yang memberi implikasi kepada tindakan. Emosi atau jiwa manusia menurut al-Farabi membantu jasmani dalam perkembangannya menuju kesempurnaan. Sementara al-Kindi pula menjelaskan kekuatan jiwa mempunyai fungsi kebersamaan antara perasaan dengan akal iaitu otak yang boleh berfikir yang dimiliki oleh setiap orang yang memiliki kekuatan jiwa (Hasan Abroni, 2000). Justeru, peranan kaunselor yang berkemampuan memulihkan emosi, pemikiran, dan tindakan juga penting dalam proses membantu seseorang yang menghadapi tekanan khususnya akibat menanggung perasaan bersalah dan malu setelah terlibat dengan zina. Model taubat ini mengukuhkan lagi kejayaan Neilsen (2005) mengintegrasikan terapi kaunseling spiritual dan

keagamaan yang menggunakan pendekatan *Rational Emotive Behavior Therapy REBT-Quranic* kepada mahasiswa dalam menghadapi tekanan akibat diperkosa oleh teman lelaki. Klien yang berasa berdosa, berfikiran negatif, tidak rasional dan menganggap diri “kotor” sebagai simbol rasa malu dan hilang harga diri telah membuat keputusan untuk berhenti belajar dan cuba membunuh diri. Perbincangan yang berfokus supaya menerima hakikat bahawa Allah itu adil dan menghukum orang yang berdosa dengan merujuk kepada surah al-Imran, ayat 47 dan surah al-Baqarah, ayat 31.

Neilsen (2005) menggabungkan teori REBT dengan mengajak klien berbincang sama ada orang Muslim percaya tentang penerimaan dan pengampunan sehingga kliennya dapat menerima kesilapan diri sendiri dan bertaubat. Keupayaan merujuk kepada surah-surah yang mengajak klien untuk lebih yakin kepada Allah SWT tanpa sebarang paksaan iaitu surah al-Baqarah, ayat 256 dan surah al-Maidah, ayat lima turut meningkatkan kesedaran seseorang klien agar lebih rasional dalam membuat keputusan. Oleh itu, walaupun Barat berpegang dengan teori juga merujuk al-Quran apabila nilai kemanusiaan menebal dan jujur untuk membantu orang Islam khususnya.

Rumusannya, hubungan yang positif antara kefahaman dengan tindakan, namun lemah kepada taubat boleh dianggap manasabah kerana menurut Harris et al. (2010) bahawa kefahaman tentang sembahyang menyumbang terhadap usaha untuk ketenangan dan memberi fokus kepada proses pemulihan. Model taubat dalam kajian ini bersetuju dengan kajian lalu (Calhoun & Tedeschi, 2006) yang mengatakan bahawa sembahyang membawa perubahan yang membina dan memberi peluang fokus untuk berasa tenang dan selesa, namun tidak semestinya menunjukkan kesungguhan terhadap penyelesaian dan mahu berubah.

Seterusnya, dapatan kajian membina model taubat ini juga selari dengan kajian Nolen-Hoeksema dan Davis (2004) yang mengaitkan sembahyang menjadikan seseorang boleh berfikir panjang tentang nasib diri yang lebih membina melalui proses refleksi diri yang memberi penambahbaikan terhadap diri. Kemunculan psikologi positif oleh Peterson dan Seligman (2004) yang membuktikan ahli psikologi di Barat kembali kepada fitrah yang mula menerima nilai-nilai keagamaan dalam strategi daya tindak (Cotton et al., 2005) untuk menuju kesehateraan dapat juga disokong dengan kajian model taubat ini. Kajian pada dekad ini mula memberi perhatian kepada kajian yang dikaitkan dengan nilai spiritual dan keagamaan (Cotton et al., 2005) membuktikan ilmu naqli semakin diperlukan bagi mengukuhkan ilmu aqli.

KESIMPULAN

Kajian ini berjaya membina model Taubat al-Ghazali yang boleh dianggap mencapai objektif mengenal pasti item-item yang sesuai untuk pembinaan inventori yang boleh diguna pakai kepada remaja perempuan yang terlibat dengan zina. Oleh itu, disarankan kajian susulan digunakan kepada pesalah zina lelaki bagi membuktikan sama ada terdapat persamaan atau perbezaan model Taubat al-Ghazali (M-TaG).

Penghargaan: Kajian ini dibiayai oleh Jabatan Pengajian Tinggi dengan geran USIM/FRGS/FKP04/5110

RUJUKAN

- Abu Ahmad Yassin. (2010). *Wasiat 4 Imam*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Abdul Rahman Md.Aroff. 1999. *Pendidikan Moral: Teori Etika dan Amalan Moral*. Serdang: Penerbitan Universiti Putra Malaysia.
- Al-Quran Terjemahan Bahasa Melayu. 2012. Kajang: Masar Enterprise.
- Amir An-Najjar. (2000). *Ilmu Jiwa dalam Tasawwuf*. Hasan Abrori (pnyt.) Jakarta: Pustaka Azzam.
- Azma Hahmood. (2006). *Pengukuran tahap penghayatan Pendidikan Islam pelajar-pelajar sekolah menengah di Malaysia*. Tesis Dr. fal. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bradley, R., Schwart, A.N., & Kallow, N. (2005). Posttraumatic stress disorder systems among low-income, African American women with history of intimate partner violence and suicide behaviors: Self-esteem, social support, and religious coping. *Journal of Traumatic Stress, 18*(6),
- Calhoun, L.G., & Tedeschi, R.G. (2006). Foundation of post-traumatic growth. In Lawrence G. & Tedeschi, Richard G. (Eds.), *Handbook of posttraumatic growth: Research and Practice* (3-23)..
- Chang-Ho C. Ji, & Yodi Ibrahim. (2007). Islamic Doctrinal Orthodoxy and Religious Orientations: Scale Development and Validation. *The International Journal for The Psychology of Religion, 17*(3), 189-208.
- Cotton, S., Larkin, E., Hoopes, A., Cromer, B. A., & Rosenthal, S. L. (2005). The impact of adolescent spirituality on depressive symptoms and health risk behaviors. *Journal of Adolescent Health, 36*(6), 529-539
- Frazier, P., Tashiro, T., Berman, M., Steger, M., & Long, J. (2004). Correlates of levels and patterns of positive life changes following sexual assault. *Journal of Consulting and Clinical Psychology, 72*(1), 19-30.
- Haidt, J. (2003). Elevation and the positive psychology of morality. In Keye & Haidt (Eds.), *Flourishing Positive Psychology and the Life Well-Lived CL* (pp. 273-289). Washington, DC: American Psychology Association.
- Harris, J. I., Erbes, C.R., Engdahl, B.E., Tedeschi, R.G., Olson, R.H., Winskowski, A. M. M., & McMahill, J. (2010). Coping function of prayer

- and posttraumatic growth. *International Journal for the Psychology of Religion*, 20(1), 26-38.
- Hill, P.C., Pargament, K., Hood, R.W., Mccullough, M.E., Swyers, J.P., Larson, D.B. & Zinnbauer, B. J. (2000). Conceptualizing Religion and Spirituality: Points of Commonality, Points of Departure. *Journal for the Theory of Social Behaviour*, 30(1), 51–77.
- Iliev, R., Sachdeva, S., Bartels, D. M., Joseph, C., Suzuki, S., & Medin, D. L. (2009). Attending to Moral Values. In M. B. Daniel, W. B. Christopher, J. S.Linda & L. M. Medin (Eds.), *The Psychology of Learning and Motivation* (pp. 169–192). Burlington: Academic Press.
- Ivv Soon. (2012, September 22). Teen Mum on the rise. *Star*, p. 1.
- Kamal Affendi Hashim. (2010, May 7). Laporan kejadian untuk keadilan diri, *Berita Harian*, p. 23.
- Krauss, Steven Eric, Hamzah, Azimi, Juhari, Rumaya, & Abd. Hamid, J. (2005). Muslim Religiosity-Personality Inventory (MRPI): Towards understanding differences in the islamic religiosity among the Malaysian Youth. *Pertanika Journal Science and Human*, 13(2), 173–186.
- Kroll, J.E., & Egan, E. (2004). Psychiatry, moral worry, and moral emotion. *Journal Psychiatric Practice*, 10(6), 352–360.
- Mariam Abou-Youssef, Wael Kortam, Ehab Abou-Aish, & Noha El-Bassiouny. (2011). Measuring islamic-driven buyer behavioral implications: a proposed market-minded religiosity scale. *Journal of American Science*, 7(8), 728–741.
- Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim, Wan Mohd. Fazrul. Azdi Wan Razali, & Hanit Osman (2006). *Kaunseling dalam Islam*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
- Murzynski, J., & Degelman, D. (1996). Body language of women and judgments of vulnerability to sexual assault. *Journal of Applied Social Psychology*, 26(18).
- Nielson. S.L. (2005). A Mormon rational emotive behavior therapist attempt Qura'nic rational emotive bahavior therapy. Dlm. Richards. P.S & Bergin.A.E(pnyt.). *A Case Book for a Spiritual Strategy in Counseling and Psychotherapy*, hlm. 213-230. WashingtonD.C: American Psychological Association.
- Nolen-Hoeksema, S., & Davis, C. (2004). Theoretical and methological issues in assessment and interpretation of posttraumatic growth. *Psychological Inquiry*, 60–64.
- Peterson, C. & Seligmen, M.E.P. 2004. *Character strengths and virtue: A handbook and classification*. Washington, DC: American Psychological Association.
- Rosihon Anwar (2005). *Tafsir esoterik menurut pandangan Al-Thabathaba'i*. Skudai. Universiti Teknologi Malaysia.

- Salhah Abdullah, Amla Salleh, Zuria Mahmud & Saedah Abd. Ghani. (2010). Moral Value Inventory for Muslim Adolescents. *Procedia Social and Behavioural Sciences* 7(C). *International Conference on Learner Diversity* 7, 106–112.
- Salhah Abdullah, Amla Salleh, Zuria Mahmud, Jamil Ahmad & Saedah Abd. Ghani. (2011). Self-esteem among Adolescents Rape Victims. *World Applied Science Journal* 14 *Learning Innovation and Intervention for Diverse Learner*, 67-73.
- Salhah Abdullah, Marina Munirah Abdul Mutalib, Sapora Sipon, Saedah Abd. Ghani & Mashitah Sulaiman, (2011, October). *Teknik taubat dan pemulihan remaja terlibat dengan zina melalui pendekatan al-Ghazali: Satu Kajian Kes*. Paper presented at Seminar Wahyu Asas Tamadun, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan.
- Scott, D.A. (2004). *A character education program: Moral development, self-esteem and at risk youth* (Doctoral dissertation).
- Spountzi-Krepia, D., Raftopoulos, V., Sgantzios, M., Kotrotsiou, E., Roupadarivaki, Z., Sotiropoulou, K., Ntaouraou, L., & Dimitriadou, A. (2005). Validation and Test-Retest Reliability of the Royal Free Interview for Spiritual and Religious Beliefs when adapted to a Greek Population. *Annals of General Psychiatry*, 4(6).
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1995). *Prolegomena to the metaphysics of Islam: An exposition of the fundamental elements of the worldview of Islam* (pp. 25–39). Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- Tangney, J.P., Stuewig, J. & Mashek, J. D. (2007). Moral emotion and moral behavior. *The Annual Review of Psychology*, 58, 345–372.